

KDYMM Yang Di-Pertuan Agong Terima Watikah Pelantikan 13 Perwakilan Asing Ke Malaysia

KUANTAN, 11 NOVEMBER 2021: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat ke Istiadat Penyerahan Watikah Pelantikan dan Majlis Menghadap oleh 13 Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Malaysia di Istana Negara, semalam.

Turut berangkat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Turut hadir ke istiadat itu Timbalan Menteri Luar Negeri, YB Dato' Kamaruddin Jaafar dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob.

Ketua-ketua perwakilan asing berkenaan ialah Bolat Sugurbayev dari Kazakhtan; Nineta Barbulescu (Romania); Dr. Hajara Salim Ibrahim (Nigeria); Edmundo Font Lopez (Mexico); Dr. Justin Lance Lee (Australia); Andreas Launer (Austria); Dr. Joachim Bergstrom (Sweden).

Selain itu, perwakilan asing yang turut menyebarkan watikah pelantikan, Irfan Davudov (Azerbaijan); Morten Paulsen (Norway); B.N. Reddy (India); Massimo Rustico (Itali); Ragai Tawfik (Mesir) dan Dato' Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin (Brunei Darussalam).

Selesai istiadat tersebut, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong juga berkenan berangkat ke Majlis Santapan Tengah hari yang turut dihadiri semua perwakilan asing serta pegawai-pegawai dari Wisma Putra. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

(LIPUTAN BERGAMBAR)

